

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha yang membantu golongan belia untuk mendapat rumah pertama mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dengan isu pemilikan rumah di mana pelbagai program telah dilaksanakan bagi membantu golongan belia memiliki rumah. Antara program tersebut termasuklah Skim Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

1. Skim Rumah Pertamaku (SRP)

SRP adalah hasil kerjasama antara Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Cagamas. Ia telah diumumkan dalam Bajet 2011 untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada 22 buah institusi kewangan untuk membeli rumah pertama mereka tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan. Ini kerana Cagamas akan memberi jaminan kepada bank-bank atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Pembeli boleh memohon SRP ini ke mana-mana institusi kewangan yang terlibat termasuklah Affin Bank, CIMB Bank, AmBank, MayBank, RHB Bank, Standard Chartered Bank, UOB Bank dan OCBC Bank. Kriteria bagi Skim SRP ini seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia sahaja;
- ii. Pembeli rumah pertama;
- iii. Pekerja di dalam sektor swasta termasuk badan-badan berkanun yang tidak menerima kemudahan pembiayaan

- perumahan kakitangan kerajaan;
- iv. Individu berumur tidak lebih daripada 40 tahun;
 - v. Pembayaran balik jumlah komitmen pembiayaan tidak boleh melebihi 60% daripada pendapatan bersih bulanan atau had pembiayaan maksimum bank yang terlibat, yang mana lebih rendah;
 - vi. Tempoh pembiayaan tidak lebih daripada 35 tahun, tertakluk kepada umur pemohon tidak melebihi 65 tahun di akhir tempoh pembiayaan;
 - vii. Harga rumah antara RM100,000 hingga RM500,000; dan
 - viii. Pembeli mestilah menghuni kediaman berkenaan

2. Skim Perumahan Belia (SPB)

SPB ini telah bermula pada Julai 2015 dan dilaksanakan secara perkongsian pintar di antara Kementerian Kewangan, Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Cagamas. Skim ini menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi RM500,000 kepada belia berkahwin berumur 25 tahun hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan dengan tempoh pembiayaan maksimum selama 35 tahun. Melalui SPB, pembeli boleh

mengeluarkan wang dari Akaun 2 KWSP untuk menampung pembayaran ansuran bulanan. Sepertimana SRP, SPB turut menawarkan pembiayaan penuh pinjaman dengan Cagamas memberikan jaminan 10% bagi pembiayaan bernilai 90% ke atas. Permohonan SPB boleh dibuat melalui BSN. Kriteria lain bagi SPB seperti berikut :

- i. Pemohon hendaklah pemegang akaun GIRO BSN atau GIRO-i;
- ii. Terhad kepada 20,000 unit rumah sahaja;
- iii. Kerajaan menanggung ansuran bulanan sebanyak RM200 untuk tempoh dua tahun pertama sehingga Julai 2017; dan
- iv. Pengecualian duti setem sebanyak 100% kepada surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman.

3. Skim MyDeposit,

Skim ini yang dikendalikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menawarkan kepada pembeli rumah pertama bayaran deposit sebanyak 10% daripada harga jualan rumah atau maksima sebanyak RM30,000 yang mana lebih rendah. Pembeli yang berpendapatan antara RM3,000 dan RM10,000 layak memohon skim ini bagi pembelian rumah berharga RM500,000 ke bawah. Bagi permohonan yang berjaya, bayaran

deposit tersebut akan dibuat terus kepada pihak pemaju atau penjual dan pihak peguam jual beli. Kriteria lain skim MyDeposit seperti berikut:

- i. Berumur 21 tahun ke atas;
- ii. Tidak boleh menjual rumah dalam tempoh 10 tahun; dan
- iii. Skim perumahan kerajaan seperti PR1MA, Projek Perumahan Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat tidak layak untuk skim ini.

4. Skim MyHome,

Kerajaan telah melancarkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau MyHome menerusi Bajet 2014 bagi menggalakkan penglibatan pemaju swasta dalam pembinaan rumah mampu milik. Skim ini juga dikendalikan oleh KPKT, menawarkan pembelian rumah dengan subsidi disediakan oleh Kerajaan sebanyak RM30,000 seunit dan pembayaran subsidi akan dibuat terus kepada pihak pemaju. Terdapat dua jenis rumah yang ditawarkan di bawah Skim ini iaitu MyHome 1 dan MyHome 2. Harga rumah di bawah My Home 1 ialah antara RM80,000 hingga RM120,000 untuk pemohon yang berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000. Manakala My Home 2 menawarkan rumah berharga RM120,000 hingga RM300,000 untuk

pemohon berpendapatan RM4,000 hingga RM6,000. Kriteria lain bagi Skim MyHome seperti berikut:

- i. Berumur 18 tahun ke atas;
- ii. Pembeli rumah pertama sahaja layak memohon;
- iii. Terhad kepada 10,000 rumah mampu milik;
- iv. Rumah yang dibeli tidak boleh dijual dalam tempoh sepuluh tahun; dan
- v. Projek di bawah Skim MyHome perlu disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, dewan, surau dan taman permainan.

5. Selain daripada empat skim tersebut, Kerajaan juga telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) pada tahun 2008 untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai penyata gaji untuk mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman mereka. SJKP menyediakan jaminan kemudahan kewangan untuk pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan sehingga 100% bagi tujuan pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000 ke bawah.

6. Kerajaan turut meningkatkan jumlah rumah mampu milik melalui pelbagai agensi seperti perumahan PR1MA, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Aspirasi Rakyat yang ditawarkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, Program Perumahan Rakyat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah dan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia.

7. Menerusi pengumuman Bajet 2017, Kerajaan akan melaksanakan Skim MyBeautiful New Home berharga RM40,000 hingga RM50,000 dengan Kerajaan membiayai sebanyak RM20,000 dan baki dibayar oleh pembeli secara ansuran. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju memberi insentif pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama berharga sehingga RM500,000 pada kadar 100% bagi RM300,000 pertama dan selebihnya pada kadar 2%.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Berdasarkan maklumat terkini, daripada tahun 2011 sehingga Ogos tahun 2016, jumlah kelulusan pinjaman di bawah Skim Rumah

Pertamaku ialah sebanyak 3,006 pemohon melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM624,188,611.39. Manakala bagi Skim Perumahan Belia pula sehingga Ogos 2016, sebanyak 1,365 permohonan telah diluluskan oleh Bank Simpanan Nasional melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM328,847,385.00.

9. Adalah jelas bahawa Kerajaan sentiasa berusaha membantu golongan belia untuk memiliki rumah kediaman mereka sendiri menerusi langkah-langkah yang telah dijalankan dari segi kemudahan pinjaman perumahan. Usaha-usaha tersebut diyakini akan meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan belia dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan hidup mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan petisyen rayuan memohon pengampunan yang telah difailkan, ditolak dan diluluskan oleh Lembaga Pengampunan untuk Wilayah-wilayah Persekutuan dan Lembaga-lembaga Pengampunan Negeri untuk setiap tahun dari Januari 2011-September 2016 mengikut kewarganegaraan, umur, negeri di mana banduan ditahan.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik petisyen pengampunan bagi tahun 2011 – September 2016 mengikut Lembaga Pengampunan Negeri dan taraf kewarganegaraan adalah seperti berikut:

Bil.	Lembaga Pengampunan Negeri	Warganegara	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah	Peratus (%)
1	Pahang	Ya	44	28	46	30	14	13	175	15.32
		Bukan	12	8	6	2	1	8	37	3.24
2	Terengganu	Ya	0	8	0	0	0	16	24	2.10
		Bukan	0	2	0	10	4	2	18	1.58
3	Perlis	Ya	5	0	0	5	5	9	24	2.10
		Bukan	2	0	0	1	1	0	4	0.35
4	Selangor	Ya	21	15	13	5	34	13	101	8.84
		Bukan	4	6	6	3	11	4	34	2.98
5	Negeri Sembilan	Ya	0	12	11	9	2	10	44	3.85
		Bukan	0	1	0	1	13	0	15	1.31
6	Johor	Ya	0	26	22	0	43	25	116	10.16
		Bukan	0	7	2	0	10	0	19	1.66
7	Kelantan	Ya	6	3	6	0	24	9	48	4.20
		Bukan	3	3	2	0	13	1	22	1.93
8	Perak	Ya	26	9	25	18	20	20	118	10.33
		Bukan	1	2	2	1	1	4	11	0.96
9	Kedah	Ya	0	23	6	14	24	2	69	6.04
		Bukan	0	3	2	0	3	1	9	0.79
10	Pulau Pinang	Ya	6	16	3	4	8	8	45	3.94
		Bukan	1	4	0	2	1	1	9	0.79
11	Melaka	Ya	5	0	0	12	20	20	57	4.99
		Bukan	0	4	0	0	0	0	4	0.35
12	Sabah	Ya	3	9	0	6	5	3	26	2.28
		Bukan	5	9	0	5	9	19	47	4.12
13	Wilayah Persekutuan KL, Labuan &Putrajaya	Ya	29	10	0	0	1	9	49	4.29
		Bukan	0	0	16	0	0	1	17	1.49
Jumlah Keseluruhan									1,142	100%

SULIT

Statistik yang diberikan tidak termasuk negeri Sarawak kerana tiada perincian berhubung maklumat kewarganegaraan. Jumlah petisyen pengampunan bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah	46	7	7	3	27	30

* Statistik sehingga September 2016.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan warganegara yang telah dijatuhkan hukuman mati setiap tahun dari Januari 2011-September 2016 mengikut bangsa, umur, negeri di mana banduan ditahan, kesalahan serta bilangan dan status kes di mahkamah (jika dirayu) dan bilangan dan status kes di Lembaga Pengampunan.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan warganegara yang telah disabitkan hukuman mati mulai tahun 2011 hingga 2016 (setakat 30 September 2016) ialah seramai 372 orang. Bagi tempoh 2014 hingga 30 September 2016, terdapat 394 kes rayuan hukuman mati yang masih berjalan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Bagi Lembaga Pengampunan, terdapat empat puluh enam kes yang masih belum selesai bagi tempoh 2014 hingga 30 September 2016.

Sekian. Terima kasih.